

16/05/2000

Tepuk dada tanya diri, iman kuat atau tidak?

SEBAGAIMANA termaklum, penyelesaian sesuatu isu bermula dengan mengenal pasti masalah yang berbangkit.

Dalam Perhimpunan Agung Umno ke-54, berakhir Sabtu lalu, seorang demi seorang jurubicara perwakilan membangkitkan pelbagai kerumitan dan masalah yang dihadapi oleh parti itu, yang dikatakan menjadi punca kian terhakisnya pengaruh Umno di kalangan pengundi Melayu pada pilihan raya umum lalu.

Seterusnya disebut mengenai sebilangan pegawai kerajaan, pelajar dan guru yang anti-Umno. Juga disebut ialah pemandu teksi enggan mengambil orang Umno sebagai penumpang.

Pengalaman seorang tokoh budayawan wanita dapat dijadikan contoh dalam hal ini setelah beliau menaiki sebuah teksi menuju ke bangunan Bernama di Jalan Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur. Berikut ialah dialog antara pemandu teksi dengan beliau:

Pemandu : "Puan tahu siapa yang punyai bangunan besar dekat Bernama tu?".

Penumpang : "Saya tak tahu".

Pemandu : "Nah, itulah bangunan milik Marina, anak Datuk Seri Dr Mahathir".

Penumpang : "Begitu ke?".

Pemandu : "Di Langkawi pun ada Marina milik anak Dr Mahathir tu juga".
Cerita berakhir.

Seperti diketahui bangunan berhampiran Bernama yang disebut itu dimiliki oleh Marina Yusof, salah seorang pemimpin parti Keadilan, mulanya diberi nama "Marinara".

Dan, "Marina" di Langkawi yang disebut oleh pemandu teksi ialah pelabuhan kecil untuk bot kecil yang digunakan untuk istirahat.

Demikianlah halnya manakala seseorang yang anti-Umno tidak mengetahui hal sebenarnya dan dari awal lagi mereka menanamkan sifat prejudis, tanpa usul periksa. Dan, tiada pula orang yang memberi penjelasan kepadanya. Maka, dia pun menentang calon Umno di Kampung Baru.

Menarik perhatian perwakilan ialah teguran Datuk Annuar Musa, bekas Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno Kelantan. Beliau menggesa Majlis Tertinggi (MT) Umno ("termasuk diri saya sendiri") supaya bersabar apabila mendengar kritikan dari bawah.

"Pandangan politik dari atas dipanggil nasihat, pandangan pemimpin dari bawah namanya kritikan. Sementara nasihat bukan tentu semuanya betul, kritikan juga belum tentu semuanya salah... kerajaan yang kuat tidak menjamin parti dari merudum jatuh jika parti tidak dijaga. Bila parti kuat, letak siapa pun akan menang, tetapi bila parti lemah, orang yang kuat pun akan kalah".

Beliau lalu menyebut mengenai Umno kaya di ibu pejabat tetapi miskin di cawangan.

"Saya buat banciaan dan mendapati 80 peratus cawangan di Kelantan tak punyai wang sampai RM50 pun bagi menjalankan aktiviti," menurut Annuar.

Menjadi ingatan ialah kenyataan Dr Mahathir mengenai Umno kini menghadapi a hostile society, yang terdiri daripada pelbagai pihak.

"Senario politik sekarang telah menjadi hostile termasuk di kalangan pegawai kerajaan, pegawai agama, pelajar, golongan belia dan akhbar".

Khabarnya sebilangan wartawan yang bertugas di bilik pertubuhan masing-masing di bangunan Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), menyuarakan reaksi

"Shhhhhhhh.....".

Menurut mereka, ini kali pertama `akhbar' disebut dalam konteks berkenaan.

Sebelum ini ada kritikan terhadap `wartawan amplop' di Korea Selatan, Filipina, Indonesia dan Thailand.

Hal itu timbul pada persidangan wartawan serantau. Di Indonesia, menurut sebuah majalah negara itu, pemberita yang menghadiri sidang akhbar sesuatu, termasuk tayangan filem akan diberi `amplop' berisi wang supaya ia menulis memuji filem berkenaan.

Maka kita bertanya: Betapa di Malaysia? Tepuk dada, tanya selera.

Khabarnya juga, kata-kata ini telah berubah menjadi: Tepuk dada, tanya diri sendiri, iman kuat atau tidak?

(END)